

TEKS
YB PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
SESI TOWNHALL
RETHINKING THE ROLE OF MAYORS AND COUNCILORS AS
URBAN MANAGERS AND GENDER PERSPECTIVE

14 OKTOBER 2019 (ISNIN), 12.00 TENGAHARI – 1.00 PETANG
SETIA SPICE CONVENTION CENTRE,
PULAU PINANG

Terima kasih Yang Berbahagia Datuk Azhar bin Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar) KPKT selaku moderator sesi *townhall* kita pada konvensyen kali ini.

Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh,
Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Pulau Pinang

Yang Berhormat Mulia,
Senator Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah Ibni Raja Ahmad Baharuddin Shah,
Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Yang Berbahagia Dato' Noor-Ihsan bin Haji Che Mat,
Ketua Pengarah Kerajaan Tempatan

Yang Dihormati Datuk Bandar, Yang Dipertua, Setiausaha dan Ahli-Ahli
Majlis dari semua PBT

Tuan-Tuan dan Puan-Puan

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, dan Salam Sejahtera

Pendahuluan

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin serta limpah kurnia-Nya, dapat kita bertemu pada hari ini dalam sesi *townhall* bagi dua topik yang penting iaitu ***Rethinking The Role Of Mayors And Councilors As Urban Managers*** dan ***Gender Perspective***.
2. Sebagaimana kita sedia maklum, kerajaan sentiasa memberi perhatian dari semasa ke semasa dalam merangka inisiatif-inisiatif baharu seiring dengan perubahan dinamik globalisasi bagi meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat. Bersesuaian dengan aspirasi dan kehendak masyarakat, peranan Datuk Bandar / YDP dan Ahli Majlis adalah elemen terpenting yang perlu dikehadapankan bagi membentuk sebuah pasukan yang membudayakan kerja yang berprestasi tinggi. Pembudayaan sistem tadbir urus korporat yang cekap dan berintegriti tinggi, selain perlaksanaan sumber secara efektif dan holistik, dapat dicapai sekiranya pengurusan tertinggi PBT meletakkan kecemerlangan pada kedudukan paling tinggi selari dengan visi dan misi organisasi. Memandangkan PBT merupakan agensi

barisan hadapan yang paling kerap berurusan dengan semua lapisan masyarakat termasuk peniaga, pelabur dan pemaju maka perkhidmatan PBT sentiasa menjadi penanda aras kecekapan prestasi perkhidmatan kerajaan.

3. Sebelum saya membuka sebarang pertanyaan daripada tuan-tuan dan puan-puan, saya akan memulakan sesi ini dengan membincangkan beberapa isu dan cabaran yang sering dihadapi oleh PBT dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Kita sedia maklum bahawa persekitaran perbandaran masa kini penuh dengan pelbagai cabaran yang kompleks berpunca daripada perubahan sosial, kepesatan teknologi dan perubahan ekonomi dunia. Ini semua menuntut sistem penyampaian perkhidmatan PBT yang lebih inovatif dan efisien bagi memenuhi ekspektasi dan kehendak pelanggan yang semakin meningkat.
4. Saya tidak menafikan semua PBT di Malaysia berusaha memperbaiki kelemahan yang ada agar sistem pengurusan PBT dapat berfungsi dengan cekap dan efisien. Tambahan pula, rakyat mengharapkan inisiatif baharu dalam urus tadbir PBT.
5. Dalam hal ini, bukan sahaja peranan Datuk Bandar / YDP penting malah ahli majlis yang dilantik perlu memainkan peranan yang aktif dalam menerajui visi PBT. Ini kerana ahli majlis adalah sebahagian daripada anggota PBT yang mempunyai tanggungjawab besar dalam menjayakan misi PBT. Ahli Majlis di PBT perlu memainkan peranan yang strategik supaya masalah keperluan rakyat dapat disalurkan kepada PBT. Ahli Majlis juga perlu melengkapkan diri

dengan pengetahuan berkaitan dasar, kerajaan dan perundangan serta mematuhi prosedur dan SOP Kerajaan semasa.

6. Saya percaya Datuk Bandar / YDP dan ahli majlis telah cuba memainkan peranan sebaik mungkin sebagaimana yang diperuntukan di bawah perundangan yang sedia ada namun dengan perubahan demografi populasi bandar pada masa kini ia memerlukan komitmen yang lebih tinggi dan pendekatan yang kreatif dan berbeza sesuai dengan peredaran semasa.
7. **Moderator:** Peranan dan tanggungjawab Ahli Majlis adalah mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976. Ahli Majlis merupakan sebahagian daripada sistem pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan. Salah satu peranan Ahli Majlis adalah sebagai tenaga penggerak masyarakat dengan menggalakkan penglibatan orang ramai mengambil bahagian dalam menjayakan sebarang program dan aktiviti yang dianjurkan oleh Majlis. **Pada pandangan YB, adakah peranan ini telah mencapai tahap yang ditetapkan dan apakah ekpektasi YB dalam melihat peranan Ahli Majlis mutakhir ini?**

Ahli Majlis

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

8. Mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], setiap PBT hendaklah mempunyai seorang pengerusi serta 8 hingga 24 orang ahli majlis. Kesemua ahli majlis dilantik oleh Kerajaan Negeri dan

diberi sepenuh tanggungjawab untuk mewakili sesuatu kawasan. Mengenai tempoh pelantikan, seseorang ahli majlis dilantik selama tiga tahun dan tempoh perkhidmatan ahli majlis boleh diperbaharui semula oleh Kerajaan Negeri sekiranya menunjukkan komitmen tinggi dalam menjalankan tugasnya.

9. Ahli majlis yang dilantik berperanan untuk menggubal dan menguatkuasakan dasar dan undang-undang PBT. Mereka juga menganggotai jawatankuasa di peringkat PBT seperti jawatankuasa pembangunan komuniti, jawatankuasa infrastruktur, jawatankuasa kebersihan dan jawatankuasa pembangunan belia dan sukan. Ahli majlis juga bertanggungjawab untuk memberi nasihat dan pandangan kepada PBT berdasarkan profesion, pengalaman dan kepakaran masing-masing.
10. Mereka bertanggungjawab menyampaikan maklumat kepada penduduk berhubung dasar, dan matlamat kerajaan serta menggalakkan penyertaan penduduk dalam setiap aktiviti yang dianjurkan oleh PBT. Setiap ahli majlis perlu memahami dan mematuhi peruntukan undang-undang dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab mereka agar sebarang tindakan yang diambil tidak bercanggah dengan undang-undang dan mengundang persepsi negatif daripada rakyat terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh PBT.
11. Saya dapat merasakan bahawa peranan dan tanggungjawab yang dipikul ahli majlis memang berat, namun setiap tindakan ahli majlis sentiasa diperhatikan oleh rakyat. Mereka akan mempersoalkan setiap tindakan ahli majlis dan sekiranya tidak bernasib baik, ia

akan ditularkan dalam media massa. Peranan ahli majlis dalam menggembleng tenaga bagi menjayakan program-program kemasyarakatan perlu ditingkatkan lagi seiring dengan permasalahan yang berlaku pada masa sekarang, contohnya masalah sampah, pembakaran terbuka, gengsterisme dan sebagainya.

12. **Moderator:** Pada pandangan YB sendiri berasaskan pengalaman YB sebagai Ahli Parlimen dan **apakah isu dan cabaran utama sebagai Ahli Majlis?**
13. Saya telah menjadi Ahli Parlimen sejak tahun 2008. Cabaran yang saya hadapi antaranya adalah ekspektasi rakyat yang mengharapkan ahli majlis yang lebih berwibawa, beramanah, jujur, bekerja keras serta mampu menyesuaikan diri dengan sebarang perubahan di peringkat nasional dan antarabangsa dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.
14. Kedua, majoriti penduduk tidak mengenali Ahli Majlis mereka. Mengapakah keadaan ini berlaku? Adakah mereka benar-benar tidak tahu dengan kewujudan ahli majlis ataupun tidak mempunyai kepercayaan? Kita boleh melihat penduduk kawasan lebih cenderung merujuk masalah/aduan kepada ADUN tanpa melalui ahli majlis. Mereka lebih mengenali siapakah ADUN mereka yang dipilih menerusi pilihan raya. Tambahan pula, mereka tidak tahu bila dan bagaimana ahli majlis ini dilantik.
15. Ketiga, rakyat mempersoalkan kredibiliti ahli majlis di dalam menyelesaikan aduan rakyat. Tambahan pula, terdapat

kenyataan yang tular di media sosial mengenai latar belakang ahli majlis yang dikatakan dilantik di kalangan yang mempunyai rekod peribadi yang buruk. Dalam hal ini, saya mohon kerjasama semua Kerajaan Negeri supaya memberi perhatian yang sewajarnya dalam isu pelantikan ahli majlis dan memastikan ahli majlis mengemukakan dokumen-dokumen yang berkaitan sebelum perjawatan mereka disahkan.

16. Selain itu, latar belakang ahli majlis yang dilantik perlu dipaparkan dalam sesawang PBT untuk rujukan rakyat. Ini boleh meningkatkan keyakinan rakyat terhadap ahli-ahli majlis dan PBT secara umum.
17. Isu ketiga ialah persepsi rakyat bahawa ahli majlis kurang proaktif. Rakyat mahukan ahli majlis lebih mengetengahkan masalah rakyat yang berkaitan dengan perkhidmatan dan pengurusan yang diberikan oleh PBT. Mereka juga mengharapkan aduan yang dipanjangkan kepada ahli majlis mempunyai penyelesaian segera. Apabila sesuatu aduan diselesaikan dengan segera maka kepercayaan terhadap ahli majlis akan bertambah dan rakyat akan mempunyai persepsi yang baik terhadap mereka.
18. **Moderator** : Ahli majlis di Malaysia adalah dilantik oleh Kerajaan Negeri. Umum sedia maklum mengenai kesungguhan dan komitmen YB untuk melaksanakan Pilihan raya Kerajaan Tempatan di PBT bagi melantik Datuk Bandar / Yang Dipertua dan Ahli Majlis. **Apakah yang mendorong YB untuk melaksanakan pilihan raya Kerajaan Tempatan walaupun terdapat kekusaran yang disuarakan oleh YAB Perdana Menteri.**

19. **Apakah nasihat YB kepada Ahli-ahli Majlis wanita? Bagaimanakah sepatutnya mereka melaksanakan tugas mereka dengan baik?**

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

20. Melangkah ke hadapan, segala-galanya boleh berubah. Pada masa kini, ahli-ahli majlis adalah dilantik tetapi tidak mustahil pada masa akan datang ahli-ahli majlis mungkin akan dipilih oleh rakyat. Izinkan saya berkongsi pengalaman mengenai ahli-ahli majlis di luar negara. Di negara seperti Australia, Canada, India, New Zealand, Pakistan dan UK, ahli-ahli majlis PBT adalah dipilih oleh rakyat menerusi pilihan raya.
21. Semasa saya menyertai Mesyuarat Forum Kerajaan Tempatan Komanwel di Rwanda pada tahun lepas, saya juga mendapati ahli majlis mereka dilantik menerusi pilihan raya. Pilihan raya kerajaan tempatan di negara tersebut diadakan setiap empat tahun sekali dan peratusan pengundi keluar mengundi pada tahun 2016 adalah pada kadar 90%.
22. Selaras dengan tahap kesedaran sivik yang semakin meningkat di negara kita, pada masa hadapan terdapat keperluan untuk melaksanakan pilihan raya kerajaan tempatan. Walau bagaimanapun, sudah pasti perkara ini memerlukan kajian yang begitu terperinci melibatkan aspek perundangan, kewangan dan mekanisme pelaksanaan.

23. Bagi mengiktiraf peranan dan sumbangan ahli majlis kepada masyarakat, saya mencadangkan supaya KPKT khususnya JKT mengadakan kaedah untuk mengenal pasti ahli-ahli majlis yang menunjukkan pencapaian luar biasa. Pencalonan ahli majlis ini perlu datangnya daripada PBT dan disaring di pihak JKT. Calon-calon ahli majlis PBT yang cemerlang, saya sarankan untuk diberi peluang mengiringi saya ke persidangan antarabangsa dan membentangkan kertas kerja yang bersesuaian.
24. Saya sentiasa berusaha untuk membawa agenda pemberdayaan wanita setelah dilantik sebagai menteri dan telah mengusulkan 30 peratus ahli majlis diberikan kepada golongan wanita. Ini adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk mengarusperdanakan peranan wanita dalam kementerian dan PBT kerana pandangan golongan itu adalah pelengkap kepada undang-undang dan garis panduan serta rancangan pembangunan.
25. Statistik bilangan ahli majlis PBT menunjukkan kebanyakan ahli majlis yang dilantik adalah di kalangan kaum lelaki. Jadi, saya sarankan supaya kerajaan negeri mengambil berat keperluan untuk meningkatkan penglibatan 30% kaum wanita dalam pelantikan ahli majlis. Mereka perlu diberi kepercayaan, peluang yang besar untuk memimpin komuniti. Jurang gender yang wujud dalam pelantikan ahli majlis perlu diminimumkan agar kadar penyertaan wanita seiring dengan Dasar Wanita Negara menjadi realiti.

26. Oleh itu, pemerintahan baru pada hari ini, memfokuskan juga ketaksamaan gender dan pembangunan negara yang seimbang dan lestari. Dasar Wanita Negara mendukung prinsip tiada diskriminasi berasaskan gender seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW). Hasratnya adalah untuk merealisasikan aspirasi Kerajaan dalam membangunkan modal insan yang berdaya saing dan mempunyai ketahanan diri dengan melahirkan wanita yang berilmu dan berwawasan, mempunyai daya kreativiti dan inovasi serta menghayati nilai-nilai murni.

Memberdaya komuniti setempat

27. **Moderator** : Pada 17 Februari 2019, YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia telah menyempurnakan pelancaran Dasar Komuniti Negara. **Bagaimanakah YB melihat masalah komuniti ini dapat dikurangkan dengan adanya Dasar Komuniti Negara bagi memberdaya komuniti setempat? Dalam konteks ini, bagaimanakah Ahli Majlis boleh membantu KPKT untuk memastikan komuniti dapat diberdayakan?**

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

28. Dalam kalangan komuniti perumahan berstrata PPR, kerap berlaku pelbagai masalah seperti kegagalan menjelaskan bayaran sewa bulanan, sikap tidak bertanggungjawab terhadap

kemudahan awam dan harta bersama, vandalisme yang berleluasa sehingga merosakkan harta benda Kerajaan, kebersihan dan persekitaran yang tidak terurus, sikap mementingkan diri sendiri dan tidak peduli terhadap harta dan nyawa jiran tetangga serta tidak prihatin terhadap golongan yang memerlukan bantuan seperti orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal dan warga emas. Masalah-masalah ini secara umumnya berpunca daripada sikap penduduk yang kurang mengambil berat serta tidak prihatin dengan keadaan semasa dan persekitaran di tempat tinggal sendiri.

29. Bagi menangani isu ini, Kementerian telah memasukkan elemen pemberdayaan komuniti dalam penggubalan Dasar Komuniti Negara. Saya berharap dasar ini akan membantu memberdaya anggota komuniti supaya mempunyai rasa kepunyaan, prihatin terhadap harta benda, ruang dan fasiliti yang dikongsi bersama serta bertanggungjawab terhadap komuniti dan kawasan setempat. Ia juga diharap dapat membentuk komuniti yang peka terhadap isu-isu komuniti, saling menghormati, menyayangi dan bekerjasama antara jiran tetangga.
30. YAB PM juga ada menegur berkenaan sikap masyarakat Malaysia yang tidak prihatin dalam menjaga kebersihan tandas awam. Diharapkan melalui objektif yang ingin dicapai melalui pelaksanaan Dasar Komuniti Negara antaranya mendaya upaya anggota komuniti supaya mempunyai rasa kepunyaan, membentuk komuniti yang peka, memupuk kerjasama strategik antara komuniti dengan Kerajaan, NGO dan sektor swasta dan melahirkan lebih ramai pemimpin dan sukarelawan dalam

kalangan komuniti perumahan berstrata, ia sedikit sebanyak dapat membantu usaha kerajaan menangani isu tandas awam ini.

Urbanisasi

31. **Moderator : Dari segi urbanisasi pula apa pandangan YB sendiri tentang peranan dan persediaan yang perlu dihadapi oleh PBT terutama dari segi penyediaan kemudahan infrastruktur khasnya kepada pembangunan berstrata?**

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

32. Tidak dapat tidak, kita tidak dapat lari daripada menerima kesan akibat proses urbanisasi. Kadar urbanisasi di Malaysia adalah pada kadar 76%. Berdasarkan segala keperluan perubahan, kita perlu membuat anjakan paradigma dalam persediaan kita menghadapi tahun yang mendatang nanti. Penduduk yang ramai ini memerlukan lebih banyak ruang bagi penyediaan kawasan perumahan, kemudahan awam dan infrastruktur. Sehubungan itu, bandar perlu berupaya menawarkan persekitaran kawasan yang kompetitif, berdaya saing serta selesa bagi menyokong segala bentuk aktiviti komuniti di dalamnya.
33. Peredaran masa telah menjadikan kehidupan strata sebagai sebahagian daripada gaya hidup masyarakat bandar di negara kita. Penghuni bangunan berstrata meliputi 30% daripada penduduk bandar dan 50% hingga 60% di bandar-bandar besar. Tugas utama Pihak Berkuasa Tempatan dari aspek

pembangunan berstrata adalah untuk memastikan kesejahteraan dan kelestarian masyarakat dengan menjalankan tugas merancang, melaksana, mengawal perancangan dengan baik dan memberikan perkhidmatan yang telus dan adil. PBT perlu memberi perkhidmatan terbaik bagi cukai yang dikutip daripada pemilik bangunan.

34. Pemantauan dan penguatkuasaan yang berkesan daripada unit COB di PBT adalah satu keperluan bagi memastikan setiap pihak pengurusan bangunan berstrata berfungsi dengan sempurna. Bagi memastikan pengurusan bangunan strata diuruskan mengikut peruntukan undang-undang yang sedia ada, peranan COB di PBT sangat penting memandangkan mereka adalah *front liner* yang memberi perkhidmatan berkaitan Akta 757 dan membantu masyarakat strata.
35. Kerajaan juga ada menyediakan bantuan penyelenggaraan atau baik pulih kepada skim perumahan berstrata kos rendah dan sederhana awam melalui Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) dan Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP) bagi memastikan *common property* atau harta bersama dijaga dengan baik.

Penguatkuasaan

36. **Moderator: YBM sangat menekankan aspek penguatkuasaan dan inovasi ke arah meningkatkan sistem penyampaian PBT. Bagaimana aspirasi dan hasrat YB berhubung perkara ini?**

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

37. Saya akan mengupas isu ini dengan memberi fokus kepada aspek penguatkuasaan, inovasi, yang berkait rapat dengan Sistem Penyampaian PBT ke arah menjamin kelestarian alam sekitar dan teknologi.

Aspek Penguatkuasaan PBT

38. Penguatkuasaan di PBT adalah penting bagi menjamin kesejahteraan perbandaran yang melaluinya tindakan bagi mengekang aktiviti yang menyalahi peraturan seperti kacau ganggu di tempat awam, ragut, rumah sesak, restoran yang kotor dan pencemaran dapat dikuatkuasakan. Kecekapan penguatkuasaan ini sudah pasti dapat meningkatkan keyakinan komuniti pelabur dan dan meningkatkan imej positif kepada rakyat. Secara langsung, ini akan meningkatkan imej PBT sebagai *the best place to live & best place to invest*.
39. Sehubungan itu, pegawai penguat kuasa PBT perlu kompeten dan efisien dalam bidang perundangan selain memastikan mereka mempunyai tahap integriti yang tinggi. Sehubungan itu, PBT harus memberi keutamaan kepada pembangunan modal insan pegawai penguat kuasa supaya Perbandaran dapat diuruskan secara efisien, teratur dan berkesan. Berkaitan ini saya juga sedang meneliti penyeragaman pakaian penguat kuasa PBT supaya

mereka lebih dikenali kerana saya difahamkan pakaian penguatkuasa PBT adalah berbeza mengikut negeri.

Penambahbaikan Manual OSC 3.0 kepada Manual OSC 3 Plus

40. Laporan Daya Saing Global 2018 menunjukkan bahawa Malaysia telah berjaya menduduki tangga ke 25 terbaik dunia dan keenam terbaik di Asia. Laporan Bank Dunia dalam kedudukan Indeks Kemudahan Berniaga (*Ease of Doing Business*) pada 2019 menunjukkan bahawa kita berada di tangga ke-15 dan kedudukan ke-3 dalam Urusan Permit Pembinaan (*Dealing with Construction Permits*).
41. KPKT telah menerajui inisiatif untuk menambah baik dan mempercepatkan proses kelulusan permohonan Pelan Pemajuan termasuk Kebenaran Merancang (KM), Pelan Bangunan, Pelan Kejuruteraan dan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC). Sehingga kini KPKT telah membangunkan Sistem OSC 3 *Plus Online* dan menyediakan Manual OSC 3 Plus.
42. KPKT juga telah bekerjasama dengan pihak MAMPU, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Perbadanan Putrajaya. Inisiatif ini telah menambahbaik proses permohonan dan kelulusan Pelan Pemajuan terutamanya Kebenaran Merancang (KM) agar tiada kelewatan berlaku semasa pengeluaran kelulusan KM di peringkat PBT. Melalui Sistem OSC 3.0 Plus *Online*, semua pihak yang terlibat iaitu PBT, Agensi Teknikal Luar (ATL) dan *Principal Submitting Person*

(PSP)/ *Submitting Person* (SP) akan dipantau bagi memastikan kesemua pihak yang terlibat mematuhi KPI yang telah ditetapkan

Isu Alam Sekitar

43. Isu berhubung pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar perlu diberi perhatian serius oleh PBT terutamanya yang berstatus Bandaraya dan Majlis Perbandaran.
44. Bencana pencemaran kimia Sungai Kim Kim telah menyebabkan situasi panik bukan hanya pada penduduk Pasir Gudang dan kawasan sekitarnya, malahan menarik minat seluruh negara untuk mengikuti perkembangannya. PBT perlu meningkatkan sistem pemantauan terhadap aktiviti-aktiviti industri yang berisiko tinggi menyebabkan bencana kimia pada masa akan datang. Tindakan penguatkuasaan undang-undang perlu dilaksanakan bagi memastikan peristiwa seperti ini tidak berulang.
45. Saya juga terus menyeru kepada semua Kerajaan Negeri dan PBT untuk menyokong inisiatif ke arah penggunaan sifar plastik dengan meletakkan syarat tambahan dalam lesen premis perniagaan khususnya yang melibatkan rantaian pasar raya dan *chain store*.
46. **Moderator: YB sebelum kita menutup sesi dialog kita mungkin YB boleh memberikan sepatah dua kata aspirasi dan harapan YB sendiri kepada Datuk Bandar/YDP/Ahli Majlis yang hadir pada konvensyen kali ini ?**

Penutup

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

47. Saya menyeru agar semua pihak berganding bahu bagi memacu pelaksanaan semua dasar dan strategi Kerajaan Persekutuan. Saya berharap agar semua saranan dan pandangan yang saya berikan pada hari ini disambut dengan baik oleh Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian dan diimplementasikan di peringkat PBT. Kerjasama dan sokongan semua pihak merupakan kunci utama bagi mencapai keberhasilan yang dihasratkan.

Moderator: Alhamdulillah, kita telah sampai pada penghujung sesi dialog ini. Kita amat beruntung kerana YB Menteri KPKT sudi berkongsi hasrat dan pandangan beliau terhadap dua isu utama iaitu *Rethinking The Role Of Mayors And Councilors As Urban Managers* dan *Gender Perspective*. Antara lain, YB Menteri telah menyentuh tentang keperluan pentadbir PBT iaitu Datuk Bandar, Yang Dipertua dan ahli majlis PBT supaya bersedia dengan cara pemikiran yang lebih terbuka dan bersifat inklusif terhadap tuntutan-tuntutan daripada penduduk bandar yang semakin kompleks.

Majlis juga ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada YB Menteri atas kesudian menjayakan sesi dialog kali ini. Semoga perkongsian YB Menteri dapat menjawab persoalan oleh tuan-tuan dan puan-puan. Sekian, terima kasih.

Sebagai tanda terima kasih dan penghargaan kita kepada YB Menteri, saya mohon semua para hadirin bangun dan memberikan satu tepukan yang gemuruh penuh semangat kepada YB Menteri.

Dengan itu, saya sudahi dengan Wabillah Hitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.